

## FAQs

### **1. Apa dia FTA?**

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) adalah perjanjian antara dua atau lebih negara untuk membentuk kawasan bebas dagang di mana perdagangan barang dan perkhidmatan boleh dilaksanakan dengan halangan bukan tarif dan tarif yang minimum. Mereka yang tidak terbabit (non-parties) dalam perjanjian ini tidak dapat menikmati layanan akses keutamaan di dalam perjanjian ini.

Setakat ini, Malaysia telah menandatangani dan melaksanakan 6 FTA dua hala dan 6 FTA serantau.

### **FTA DUA HALA**

<b>Negara</b>	<b>Ditandatangani Pada</b>
<b>Jepun</b>	13 Dis 2005
<b>Pakistan</b>	8 Nov 2007
<b>New Zealand</b>	26 Okt 2009
<b>Chile</b>	13 Nov 2010
<b>India</b>	18 Feb 2011
<b>Australia</b>	22 Mei 2012

### **FTA SERANTAU BERSAMA**

<b>Negara</b>	<b>Ditandatangani Pada</b>
<b>Kawasan Perdagangan Bebas (AFTA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 28 Januari 1992</li> <li>● 1 Januari 2010, Malaysia bersama 5 negara (Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand) menjadi satu kawasan bebas dagang untuk barang dengan penghapusan duti import.</li> </ul>
<b>China</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <u>Barangan:</u> 29 Nov. 2004</li> <li>● <u>Perkhidmatan (Pakej Pertama):</u> 14 Jan. 2007</li> <li>● <u>Pelaburan:</u> 15 Ogos 2009</li> <li>● <u>Perkhidmatan (Pakej Kedua):</u> 1 Jan 2012.</li> </ul>
<b>Jepun</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <u>Barangan:</u> 14 Apr 2008</li> </ul>
<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <u>Barangan:</u> 13 Ogos 2009</li> </ul>
<b>Australia &amp; New Zealand</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 27 Feb 2009</li> </ul>

<b>Korea</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barang: 24 Ogos 2006</li> <li>• <u>Perkhidmatan</u>: 21 Nov 2007</li> <li>• <u>Pelaburan</u>: 2 Jun 2009</li> </ul>
--------------	--

## 2. Mengapa FTA Penting Untuk Malaysia?

Malaysia adalah negara pengamal ekonomi terbuka yang sangat bergantung kepada perdagangan antarabangsa dan pada 2012, jumlah keseluruhan perdagangan negara adalah 1.7 kali lebih tinggi dari KDNK dan menduduki tempat ketiga di belakang Singapura dan Hong Kong.

Di kala Malaysia menganggap WTO sebagai jalan terbaik ke arah pasaran terbuka, namun rundingan perdagangan dalam WTO agak perlahan. Penyelesaian terbaik ialah untuk berunding urusan perdagangan bebas dengan rakan dagang kita.

FTA memberi manfaat kepada Malaysia untuk memperolehi akses kepada pasaran lebih besar. Produk Malaysia akan lebih kompetitif berbanding negara yang tidak mempunyai FTA. Pengeksport perkhidmatan Malaysia juga boleh mengeksport perkhidmatan mereka ke negara rakan FTA seiring dengan liberalisasi sektor perkhidmatan di kalangan rakan-rakan FTA.

Jumlah dagang Malaysia dengan negara yang menandatangani FTA dengan kita semakin baik. Contohnya, perjanjian dagang dengan Jepun telah menyumbang kepada peningkatan perdagangan dengan Jepun dari RM112.8 bilion pada 2005 kepada RM145.3 bilion pada 2012. FTA juga mencipta peluang akses pasaran bagi komoditi Malaysia. Contohnya, Jepun telah mengimport sejumlah besar keperluan minyak sawitnya dari Malaysia, berikutan tariff import yang lebih baik hasil daripada FTA kedua-dua negara.

### **3. Apakah AFTA dan apa kelebihan AFTA kepada Malaysia?**

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dicetuskan pada Sidang Kemuncak ASEAN 1992 di Singapura. Matlamat utama AFTA ialah untuk mewujudkan satu pasaran dan pangkalan pengeluaran antarabangsa, bagi menarik minat pelaburan langsung asing dan pada masa yang sama meluaskan hubungan dagang serta pelaburan di kalangan rakan anggota sendiri. Ia juga diwujudkan atas kesedaran potensi besar dan hubungan dagang serantau yang saling melengkapi, termasuk mewujudkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang lebih teguh dan kompetitif.

Liberalisasi perdagangan di rantau ini melalui penghapusan tarif dan halangan bukan tarif telah menjadikan sektor pembuatan lebih efisien dan berdaya saing di pasaran global. Hasilnya, pengguna mendapat sumber produk dari pengeluar yang lebih efisien di ASEAN, sekali gus mencipta hubungan dagang Intra-Asean yang lebih erat. Pada tahun 2012, jumlah perdagangan di kalangan anggota ASEAN mencecah AS\$601billion iaitu peningkatan 0.5% daripada tahun 2011. ASEAN juga merupakan pasaran utama Malaysia dengan catatan 26.5% dari keseluruhan perdagangan selama 3 tahun berturut-turut (2010-2012). Secara kolektif, Asean adalah kuasa ekonomi ketiga terbesar di Asia dengan perkembangan ekonomi begitu menggalakkan dan ia menyumbang 27.4 peratus dari perdagangan dunia Malaysia bagi tahun 2012.

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke rantau ini pada tahun 2012 mencecah US\$113billion berbanding US\$109billion pada tahun 2011. Rantau ini telah merekodkan kemasukan FDI paling tinggi dalam sejarah. Pada masa yang sama, AFTA turut menawarkan asas untuk perkembangan pelaburan intra-ASEAN iaitu antara 15%-20% kepada jumlah FDI yang memasuki rantau ini. Syarikat-syarikat seperti Maybank, Axiata, Kencana Petroleum and Sapura Crest, Air Asia, Sime Darby, Petronas dan Ingress Auto Ventures merupakan antara contoh syarikat Malaysia yang aktif dalam rantau ini.

#### 4. Apa itu TPPA?

Perjanjian Perkongsian Trans Pacific (TPPA) adalah inisiatif untuk membentuk satu kawasan perdagangan bebas (FTA) di kalangan 12 negara yang berjumlah 800 juta penduduk dan gabungan KDNK sebanyak AS\$27.5 trilion.

Pusingan pertama Rundingan TPPA bermula pada Mac, 2010, di Melbourne dan setakat ini 18 pusingan telah dilaksanakan. Pusingan ke-18 diadakan di Kota Kinabalu, Malaysia dari 15 – 25 Julai, 2013. Skop TPPA meliputi elemen tradisi FTA, di samping beberapa elemen baru untuk Malaysia seperti persaingan, buruh, alam sekitar perolehan kerajaan dan hak harta intelek. Terdapat 21 kumpulan telah ditubuhkan untuk rundingan selanjutnya, iaitu:

- Akses pasaran
- Halangan teknikal pada perdagangan
- Langkah sanitari dan psitosanitari
- Peraturan Tempasal
- Kerjasama Kastam
- Pelaburan
- Perkhidmatan
- Perkhidmatan kewangan
- Telekomunikasi
- E-Dagang
- Pergerakan Perniagaan
- Perolehan Kerajaan
- Persaingan
- Harta Intelek
- Buruh
- Alam Sekitar
- Membina kapasiti
- *Non-Conforming Measures*
- Trade Remedy
- Isu-isu Horizontal

- Perundangan dan Institusi

Negara-negara yang menyertai rundingan bagi membentuk TPPA bebas untuk membentang cadangan mengenai sebarang isu yang sedang dirunding. Bagaimanapun, semua cadangan mesti dipersetujui melalui konsesus.

### **5. Bila Malaysia membuat keputusan menyertai TPPA?**

Sebelum membuat keputusan untuk menyertai rundingan TPPA, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri konsultasi dan rundingan dengan kumpulan yang relevan termasuk dewan perniagaan, persatuan bumiputera dan IKS. Selepas mengkaji maklum balas dari semua pihak, pada Mac, 2010, Kabinet memutuskan Malaysia patut menyertai rundingan TPPA. Dengan mandat Kabinet itu, Malaysia menyertai sebagai anggota perunding penuh pada pusingan ke-3 yang diadakan di Brunei Darulssalam dari 5 – 8 Oktober, 2010.

Kerajaan juga telah mendapatkan khidmat *United Nations Development Programme* (UNDP) untuk melaksanakan kajian impak yang komprehensif mengenai kos dan manfaat dalam membuat rundingan TPPA.

### **6. Apa rasional menyertai rundingan TPPA?**

Kerajaan berpendapat TPPA adalah inisiatif penting berikutan usaha Malaysia untuk meluaskan lagi peluang akses pasaran, meningkatkan kelebihan kompetitif dan membina keyakinan pelabur. Kajian komprehensif yang dijalankan UNDP turut mengenalpasti beberapa kelebihan ekonomi utama kepada Malaysia termasuk keuntungan kebajikan sebanyak 1.46 peratus dan gaji lebih tinggi bagi buruh mahir dan tidak mahir menjelang tahun 2020. Di samping itu, ia turut memperbaiki pertumbuhan KDNK berikutan akses pasaran lebih besar di kalangan negara TPPA.

Jika direalisasikan, TPP akan membentuk pasaran besar membabitkan 800 juta penduduk dengan gabungan KDNK AS\$27.5 trilion. Jumlah ini jauh lebih besar

daripada pasaran domestik Malaysia pada 29.5 juta rakyat dan KDNK AS\$300 bilion.

Menurut satu kajian simulasi oleh Institut Ekonomi Peterson pada Jun, 2012, menjelang 2015, Malaysia akan menerima faedah dengan peningkatan dalam Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM26.3bilion dan peningkatan dalam eksport sebanyak RM41.7bilion.

Bagaimanapun, Kerajaan sedar dengan cabaran dan kontroversi yang menyelubungi TPPA kerana tidak seperti FTA lain, ia lebih menyeluruh dan meliputi skop bidang lebih luas, justeru secara nutral akan mengundang lebih banyak pandangan umum dan perdebatan. Kerajaan menghargai semua pendapat yang telah diutarakan mengenai TPPA dan akan terus mengadakan perbincangan dengan NGO dan kumpulan berkepentingan untuk mendapat maklum balas.

## **7. Apa kelebihan/keuntungan TPPA kepada Malaysia?**

Hasil konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan sebelum menyertai rundingan TPPA mendapati wujudnya peningkatan permintaan di kalangan syarikat Malaysia untuk pasaran dan kemudahan perdagangan yang lebih besar. Jumlah syarikat Malaysia yang menjadi pelabur global semakin meningkat dan mereka memerlukan tahap boleh ramal (level of predictability) yang keberkesanannya dijamin oleh perjanjian perdagangan berbentuk FTA. Pada masa yang sama, terdapat juga minat dari syarikat asing di kalangan negara bukan TPPA yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan operasi untuk membolehkan mereka turut menikmati faedah TPPA. Kombinasi akses pasaran yang lebih besar untuk produk dan perkhidmatan Malaysia di bawah TPPA dan kemasukan pelaburan asing berterusan akan mewujudkan pemangkin mantap dalam memacu agenda transformasi ekonomi Malaysia.

Melalui TPPA, Malaysia akan menjadi sebahagian daripada usaha integrasi ekonomi yang lebih luas di rantau Asia Pasifik. Ia juga secara langsung mengukuhkan hubungan Malaysia dengan rakan dagang penting seperti Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru. Sebagai anggota TPPA, Malaysia mampu

meningkatkan penyertaan dalam rangkaian bekalan global dan serantau, serta melebarkan akses produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran yang lebih besar.

## **8. Apakah Cabaran TPPA kepada Malaysia?**

Kerajaan insaf, di kala TPPA menawar banyak faedah kepada Malaysia dan rakyatnya, ia juga mempunyai beberapa cabaran yang perlu Kerajaan tangani dan rundingan lebih panjang untuk mendapat hasil terbaik. Sebagai contoh, bidang perolehan kerajaan merupakan satu elemen baru dalam TPPA yang tidak pernah wujud dalam mana-mana FTA yang telah ditandatangani Malaysia. Ini merupakan satu bidang strategik yang dirundingkan secara cermat oleh pihak kerajaan selepas mempertimbangkan maklum balas daripada pihak berkepentingan, khusus membabitkan kerisauan mengenai kepentingan syarikat-syarikat tempatan dan Komuniti Komersil dan Perindustrian Bumiputera (BCIC).

Harta intelek merupakan satu lagi bidang mencabar dan menerima banyak perhatian. Salah satu kerisauan utama mengenai bidang harta intelek berkisar mengenai isu akses untuk mendapatkan ubat-ubatan dengan kos murah dan isu tempoh perlindungan yang mungkin akan melambatkan lagi penghasilan ubat-ubatan generik.

Perunding Malaysia akan terus berusaha memastikan hasil rundingan yang akan membolehkan rakyat Malaysia mendapat akses perubatan dan kesihatan yang mampu ditanggung oleh mereka.

## **9. Apa mungkin berlaku sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP?**

TPPA menawarkan Malaysia peluang untuk menjadi sebahagian dari pasaran pengguna yang mempunyai 800 juta penduduk. Membuat keputusan untuk tidak menyertai TPPA sekarang bermakna kita akan membenarkan negara-negara lain

menetapkan perjanjian tanpa mengambil kira kepentingan dan kebimbangan Malaysia. Menyertai TPPA kemudian hari akan membuatkan Malaysia terpaksa menerima peraturan, disiplin, terma dan syarat-syarat yang diputuskan negara lain.

Dengan tidak menyertai TPPA, Malaysia juga akan rugi terutama dari segi mencari akses pasaran lebih baik bagi produk dan perkhidmatan Malaysia. Impak kerugian ini akan lebih dirasai sekiranya negara seperti China, Indonesia dan pesaing-pesaing lain membuat keputusan untuk menyertai TPPA kemudian hari.

Sekiranya direalisasi, TPPA akan membuka pasaran besar bagi produk dan perkhidmatan Malaysia. Akses pasaran dan perkhidmatan bagi 800 juta penduduk bukanlah satu peluang yang boleh kita lepaskan begitu saja, terutama dalam keadaan negara kita yang mengamalkan prinsip ekonomi terbuka dan amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Dalam suasana perdagangan global yang semakin kompetitif, pengecualian Malaysia daripada TPPA akan mengurangkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan berbanding negara TPPA lain. Sekiranya pelabur-pelabur tidak melabur di Malaysia, ia akan mengakibatkan kurangnya peluang untuk mencipta pekerjaan.

## **10. Siapa terbabit dalam rundingan TPPA?**

Kabinet telah memberi mandat kepada MITI untuk mengkoordinasi penyertaan Malaysia di dalam rundingan TPPA. MITI berfungsi sebagai Ketua Perunding sementara kementerian dan agensi lain mengetuai kumpulan kerja bagi bidang yang berada di bawah tanggungjawab masing-masing.

<b>BIDANG</b>	<b>KEMENTERIAN/AGENSI YANG MENGETUAJ</b>
<b>Akses Pasaran dalam Barang</b>	Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri
<b>Halangan Teknikal kepada</b>	Standards Malaysia

<b>BIDANG</b>	<b>KEMENTERIAN/AGENSI YANG MENGETUAJ</b>
<b>Perdagangan</b>	
<b>Sanitari and Psitosanitari</b>	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi-agensinya
<b>Kerjasama Kastam</b>	Jabatan Kastam Diraja
<b>Peraturan Tempasal</b>	Kementerian Perdagangan Antragangsa dan Industri
<b>Trade Remedy</b>	Kementerian Perdagangan Antragangsa dan Industri
<b>Pelaburan</b>	Kementerian Perdagangan Antragangsa dan Industri
<b>Perkhidmatan</b>	Kementerian Perdagangan Antragangsa dan Industri
<b>Non-Conforming Measures</b>	Kementerian Perdagangan Antragangsa dan Industri
<b>Perkhidmatan Kewangan</b>	Bank Negara Malaysia
<b>Telecommunikasi</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (check)

<b>BIDANG</b>	<b>KEMENTERIAN/AGENSI YANG MENGETUAJ</b>
<b>E-Dagang</b>	Kementerian Penerangan
<b>Mobiliti Perdagangan</b>	Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri
<b>Perolehan Kerajaan</b>	Kementerian Kewangan
<b>Dasar Persaingan</b>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepengunaan dan Koperasi
<b>Hak Harta Intelek</b>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepengunaan dan Koperasi
<b>Buruh</b>	Kementerian Sumber Manusia
<b>Alam Sekitar</b>	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
<b>Membina Kapasiti</b>	Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri
<b>Isu Horizontal</b>	Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri
<b>Perundangan</b>	Pejabat Peguam Negara

Dengan adanya mandat dari Kabinet, semua kementerian dan agensi terbabit bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan Malaysia sepanjang rundingan TPPA dijalankan.

Sebelum bermulanya setiap pusingan rundingan, Kabinet akan diberi taklimat mengenai semua isu dan bagi mendapatkan mandat yang diperlukan oleh kumpulan perunding.

## **11. Adakah wujudnya kekurangan konsultasi dalam membentuk kedudukan Malaysia di dalam TPPA?**

Di kala Kerajaan mengakui lebih banyak konsultasi boleh dilakukan, Menteri MITI telah mengeluarkan banyak kenyataan umum memberi jaminan bahawa konsultasi meluas telah dilaksanakan oleh kumpulan perunding dalam bidang masing-masing. MITI telah menganjur Hari Terbuka Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) pada 1 Ogos, 2013, untuk memperjelaskan salah faham mengenai TPPA dan mendengar kebimbangan umum terhadap TPPA.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengalu-alukan pembentukan Kaukus Parlimen yang diwakili Ahli Parlimen daripada parti pemerintah dan parti pembangkang. Menteri telah bertemu dan memberi taklimat kepada kaukus tersebut mengenai perkembangan dan isu dalam rundingan TPPA. Kerajaan menghargai input membina yang telah Kaukus salurkan.

Ingin ditekankan bahawa maklum balas dan input daripada persatuan-persatuan industri, kumpulan berkepentingan dan dewan perniagaan memainkan peranan penting dalam membentuk pendirian Malaysia dalam rundingan TPP. Sebagai contoh, kedudukan Malaysia dalam rundingan membabitkan bidang perolehan kerajaan yang diketuai Kementerian Kewangan, amat tegas dalam mengutarakan kebimbangan kumpulan berkepentingan iaitu komuniti perniagaan Bumiputera, syarikat milik negara (SOE) dan syarikat kecil dan sederhana (SMEs). Malaysia juga mengekalkan bidang kuasa dan kedudukan negeri-negeri dalam hal-hal yang membabitkan tanah dan air. Dalam bidang SOE, kedudukan Malaysia ditentukan oleh Kementerian Kewangan dan Khazanah.

Kerajaan akan terus mendapatkan pandangan semua kumpulan berkepentingan. Tambahan kepada Hari Terbuka TPPA, MITI telah bertemu Gabungan Bertindak Menentang TPPA Malaysia pada 6 Ogos, 2013 dan berbincang cara meningkatkan pembabitan kumpulan berkepentingan. MITI mengalu-alukan maklum balas dan pendapat dari semua pihak dalam hal mengenai TPPA.

## **12. Mengapa wujud unsur kerahsiaan di dalam rundingan TPP?**

Walaupun teks rundingan tidak pernah didedahkan kepada umum disebabkan rundingan masih berjalan, Kerajaan telah dan akan terus berkongsi kedudukan rundingan dengan kumpulan berkepentingan yang relevan ketika sesi konsultasi.

Unsur kerahsiaan wujud atas dua sebab utama: (a) peraturan dan proses perundingan yang masih berjalan menuntut para perunding untuk tidak mendedahkan teks rundingan; dan (b) perunding yang merundingkan hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan negara secara strategiknya tidak wajar mendedahkan kedudukan tawar-menawar mereka bagi memastikan rundingan yang masih berjalan akan membawa hasil yang terbaik.

Namun, mengambil kira maklumbalas daripada rakyat, Menteri MITI akan memasukkan isu ini dalam agenda Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri TPP yang akan diadakan di Brunei nanti.

## **13. Kenapa tergesa-gesa untuk muktamadkan TPPA pada Oktober 2013?**

Dalam semua rundingan, terdapat keperulan untuk bekerja ke arah tarikh sasaran untuk memuktamadkan rundingan. Untuk makluman, Kenyataan Pemimpin Perkongsian Trans Pasifik yang dikeluarkan pada 12 November 2011 di Honolulu dengan jelas telah meminta semua pasukan perunding supaya terus berunding dengan rakan-rakan Asia Pasifik lain yang telah menyatakan minat untuk menyertai TPPA sebagai persediaan penyertaan mereka dalam TPPA pada masa hadapan. Pemimpin-pemimpin TPPA juga telah menetapkan Oktober 2013

sebagai tarikh sasaran untuk memuktamadkan sebahagian besar rundingan yang sedang berlangsung.

Bagaimanapun, tarikh sasaran tersebut BUKAN tarikh hakiki untuk merumuskan rundingan TPPA kerana pasukan perunding masih mempunyai sejumlah isu sensitif yang perlu dirundingkan. Malaysia berpendirian bahawa TPPA hanya akan dimuktamadkan sekiranya ia memberi manfaat besar kepada rakyat. Memelihara kepentingan nasional dan kedaulatan negara akan terus menjadi pegangan utama pasukan perunding Malaysia. Dalam hal ini, kedudukan Malaysia akan mengambil kira peruntukan Perlembagaan Persekutuan, hak Kerajaan Negeri dan dasar utama Kerajaan.

#### **14. Mengapa China tidak berada dalam TPP?**

Kedudukan semua anggota TPPA adalah perjanjian ini akan menjadi asas utama kepada Perjanjian Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) yang akan merangkumi semua ekonomi APEC, di mana negara China juga merupakan ahli kepadanya. Keanggotaan dalam TPPA ditentukan atas prinsip sukarela. Setiap anggota APEC, termasuk China, adalah bebas untuk menentukan bila mereka hendak menyertai TPPA.

Malaysia dan China mempunyai hubungan diplomatik dan perniagaan yang erat, China juga adalah rakan dagang yang amat penting bagi Malaysia. Kedua-dua negara telah terlibat dalam beberapa projek usahasama termasuk Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP). Oleh yang demikian, Malaysia sudah pasti akan mengalu-alukan penyertaan China di dalam TPPA.

#### **15. Apakah pendekatan diambil Kerajaan dalam memelihara kepentingan Bumiputera dan IKS?**

Kerajaan telah mengambil keputusan yang tegas dalam menangani kebimbangan IKS dalam semua bidang di dalam rundingan yang dijalankan. Kebimbangan-

kebimbangan tersebut, contohnya peningkatan persaingan, ditangani melalui tempoh transisi yang lebih panjang dalam proses liberalisasi. Ia juga ditangani dalam bentuk mengasingkan perolehan kerajaan dan melalui penetapan had (threshold) yang lebih tinggi. TPPA juga telah menetapkan sasaran untuk membangunkan peraturan seragam bagi memastikan ketelusan dan '*predictability*'. Kerajaan sedar akan kebimbangan mengenai kedudukan IKS yang bakal menghadapi persaingan semakin sengit daripada syarikat antarabangsa. Semua kebimbangan ini telah dan masih dibahaskan dalam perundingan TPP.

Sebagai contoh, kerajaan telah mengetengahkan cadangan yang membolehkan IKS diintegrasikan ke dalam rangkaian bekalan dan nilai serantau serta memastikan usaha-usaha transisi diwujudkan untuk membolehkan IKS menyesuaikan diri dengan persaingan yang semakin meningkat.

Kerajaan juga akan memastikan syarikat besar tidak menyalahguna kedudukan mereka dengan mengamalkan sikap monopoli yang akan memberi kesan kepada IKS. Sebagai tambahan, pengecualian juga dilakukan bagi bidang perolehan kerajaan di mana sejumlah projek akan dikhurasukan dan dibuka untuk IKS Malaysia sahaja.

## **16. Apakah ISDS dan adakah ia akan menjaskan kedaulatan Malaysia?**

ISDS atau Penyelesaian Pertelingkahan Pelabur-Negara adalah satu bentuk prosidur yang membentarkan pelabur merujuk kes mereka ke timbang tara antarabangsa selain daripada mahkamah tempatan. Malaysia telah menandatangani 74 Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGS) sejak tahun 1963, dan kebanyakannya mengandungi peruntukan untuk penyelesaian pertelingkahan melalui timbangtara antarabangsa.

Setakat ini, hanya dua kes sahaja yang telah melibatkan Malaysia di bawah peruntukan ISDS; di mana dalam satu kes keputusan telah memihak kepada kerajaan Malaysia, manakala satu lagi kes telah dibatalkan. Peruntukan ISDS juga penting dalam melindungi kepentingan syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Contohnya, peruntukan ISDS telah digunakan oleh syarikat Malaysia dalam dua kes (MTD Vs Chile dan Telekom Malaysia vs Ghana) bagi melindungi

pelaburan mereka di luar negara; di mana keputusan dalam satu kes memihak kepada pelabur Malaysia, manakala penyelesaian luar mahkamah dicapai dalam kes yang lain.

Di kala Malaysia komited dalam melindungi pelabur asing dan pelaburan mereka, namun semua pelabur juga perlu mematuhi undang-undang tempatan. Pada masa yang sama, ISDS tidak menyekat bidang kuasa kerajaan Malaysia dalam penggubalan dasar dan perundangan. Perunding Malaysia sedar akan kebimbangan terhadap ISDS yang merangkumi bidang yang luas dalam TPPA dan akan mencari jalan untuk menangani kebimbangan tersebut dalam proses rundingan.

#### **17. Apakah isu yang menyelubungi perolehan kerajaan?**

Kerajaan akan memastikan tahap keterbukaan pasaran dalam perolehan kerajaan akan berpaksi kepada kepentingan dan kebimbangan kumpulan berkepentingan dalam negara. Had yang diputuskan dalam tawaran Malaysia (contohnya, nilai tawaran yang akan dibuka untuk bidaan syarikat dari anggota TPPA) akan diputuskan dalam konsultasi dengan kumpulan berkepentingan dalam negara. Bidang berkepentingan bagi komuniti perniagaan Bumiputera dan IKS telah dikecualikan daripada tawaran Malaysia.

TPPA dijangka membuka peluang perniagaan dalam pasaran perolehan kerajaan untuk syarikat Malaysia di semua 11 negara rakan TPPA.

#### **18. Apakah isu yang membabitkan hak harta intelek (IPR) dan adakah ini akan membawa kepada harga ubat yang lebih tinggi?**

Cadangan terkini mengenai bidang IPR yang menyentuh isu patent akan memberi impak ke atas kos ubat dan hal ehwal kesihatan. Pendirian Malaysia dalam hal ini adalah jelas – Perjanjian ini TIDAK BOLEH menimbulkan impak negatif ke atas hal ehwal kesihatan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia mesti terus menikmati

penjagaan kesihatan berkualiti dan mempunyai akses kepada ubat mampu beli, termasuk ubat generik. Rundingan TPPA perlu mengambilkira kepentingan ini.

Malaysia mengakui syarikat farmaseutikal membuat pelaburan besar dalam penyelidikan dan pembangunan, dan tidak ada cara murah untuk mencipta dan mengeluarkan ubat-ubatan. Malaysia mengiktiraf inovasi seperti itu mesti diberi ganjaran sewajarnya seperti insentif kepada syarikat farmaseutikal untuk terus kekal dalam industri dan terus mencipta serta mengeluarkan ubat-ubatan yang penting bagi menangani penyakit baru. Malaysia terus yakin satu keseimbangan dapat dicapai di antara melindungi hak syarikat pengeluar ubat-ubatan dan hak yang menjamin kemampuan rakyat untuk mendapatkan ubat mampu milik.

Perunding Malaysia akan terus berunding bagi mencapai satu keputusan yang akan memastikan rakyat Malaysia terus mendapat akses kepada ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan yang mampu ditanggung mereka.

#### **19. Bagaimana Malaysia menangani isu Syarikat Milik Negara (SOE) dalam rundingan TPP?**

Kerajaan ambil maklum akan kepentingan membenarkan syarikat tempatan dan antarabangsa untuk berkembang maju, pada masa yang sama Malaysia berpandangan bahawa setiap negara mempunyai sistem ekonomi yang berbeza di mana SOE serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) masih membawa peranan penting. Dalam konteks Malaysia, SOE dan GLC merupakan instrumen penting Kerajaan untuk mencapai objektif kemasyarakatan dan pembangunan, dan pemangkin penting untuk membangunkan sektor yang dilihat strategik walaupun tidak ada unsur komersial.

Untuk mencapai objektif tersebut, sokongan tertentu perlu diwujudkan bagi mengatasi kekurangan insentif komersial. Justeru, Malaysia berusaha mencari fleksibiliti dalam perjanjian yang akan membenarkan penyertaan berterusan entiti tersebut dalam ekonomi negara dan terus menyediakan produk dan khidmat sosial kepada rakyat. Untuk melaksanakan ini, beberapa sokongan diperlukan terutama di mana berlaku kekurangan insentif komersil. Justeru, Malaysia berusaha mencari fleksibiliti dalam perjanjian yang akan membenarkan

penyertaan berterusan entiti tersebut dalam ekonomi negara dan terus menyediakan produk dan khidmat sosial kepada rakyat.

## **20. Apakah proses rundingan TPPA?**

Skop TPPA meliputi elemen tradisi FTA, di samping beberapa elemen baru. Sejumlah 21 kumpulan kerja telah ditubuhkan dalam rundingan. Rundingan berdasar cadangan yang dibentang oleh negara perunding. Cadangan yang dibentang adalah berdasarkan proses konsultasi domestik setiap anggota TPPA yang turut melibatkan wakil industri dan kumpulan berkepentingan. Suasana ini mungkin berbeza antara negara, tetapi matlamat rundingan adalah untuk mencari satu pendirian sama yang memenuhi sasaran semua negara terbabit.

Setiap negara mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam TPPA. Bagi Malaysia, Kerajaan menyertai perundingan TPPA selepas melakukan beberapa siri konsultasi dan perjumpaan dengan kumpulan berkepentingan. Kabinet telah memberi mandat untuk menyertai rundingan TPPA dan para perunding dalam kumpulan-kumpulan kerja turut dibantu oleh pakar perundangan. 21 kumpulan kerja berkenaan diterajui pelbagai Kementerian dan Agensi Persekutuan mengikut bidang tanggungjawab masing-masing.

Menteri juga memberi penjelasan dan menjawab soalan mengenai isu yang berkaitan dengan perundingan. Di samping itu, Ahli Parlimen turut dimaklumkan mengenai perkembangan terkini proses rundingan. Di bawah sistem sedia ada, semua isu membabitkan FTA dibentang di Kabinet bagi mendapat mandat dan arahan sewajarnya. Pada masa yang sama, isu yang dianggap sensitif akan dibincangkan dalam Majlis Ekonomi (EC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri atau di Majlis Perancangan Pembangunan Nasional yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk mendapatkan panduan. Kerajaan tidak akan menandatangani TPPA selagi kerajaan yakin bahawa perjanjian tersebut dapat membawa manfaat kepada rakyat.

## **21. Adakah rundingan TPPA dikuasai oleh Amerika Syarikat?**

Dalam rundingan TPPA, semua negara bebas untuk membentang cadangan masing-masing, tetapi keputusan perjanjian ini mestilah berasaskan kepada persefahaman. Walaupun Amerika Syarikat atau negara lain boleh membentang banyak cadangan, tetapi keputusan akhir mestilah berdasarkan persefahaman. Setiap negara mempunyai suara yang sama dalam rundingan TPPA dan rundingan berasaskan prinsip – “Tiada persetujuan sehingga setiap satu telah dipersetujui” (nothing is agreed until everything is agreed)

## **22. Apakah faedah TPP pada pengguna?**

Satu daripada faedah utama TPPA kepada pengguna adalah liberalisasi perdagangan. Penghapusan tariff merupakan antara unsur utama dalam FTA dan ia menawarkan kepada pengguna produk import dan perkhidmatan yang lebih luas, lebih berkualiti dan pada harga lebih kompetitif. Pada masa yang sama, proses liberalisasi juga membolehkan para industri pembuatan memperolehi bahan asas dengan harga yang lebih rendah.

Persaingan secara berperingkat yang dicetus melalui proses liberalisasi juga akan menjadikan pengeluar barang dan pembekal perkhidmatan tempatan lebih berdaya saing. Contoh baik ialah industri perabot tempatan. Liberalisasi secara berperingkat telah membawa kepada penghasilan produk yang lebih berkualiti untuk pengguna tempatan dan menjadikan industri ini lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa. Dalam industri perkhidmatan pula, liberalisasi dalam sektor pendidikan telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati pendidikan daripada institusi terkemuka dengan kos yang jauh lebih rendah.

TPPA juga menangani peraturan teknikal membabitkan barang, kesihatan dan sanitari. Semua bidang ini turut berada dalam peruntukan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan ia membantu pembuat dasar dalam memastikan pengguna diberi perlindungan melalui piawaian keselamatan yang ditetapkan.

### **23. Sekiranya menerima TPP, adakah Malaysia tidak akan dibenarkan melaksanakan kawalan modal?**

Bank Negara Malaysia yang mengetuai rundingan dalam bidang perkhidmatan kewangan telah diberi mandat untuk memastikan sebarang peruntukan yang membabitkan pengurusan modal tidak akan menghadkan ruang dasar kerajaan Malaysia untuk memperkenal atau mengekalkan kawalan kewangan. Melindungi kepentingan Malaysia akan terus menjadi keutamaan paling tinggi dalam rundingan TPP.

### **24. Apakah status terkini rundingan TPPA?**

Setakat ini, 18 pusingan telah dilaksanakan. Pada pusingan ke-18, Jepun menyertai rundingan sebagai anggota ke-12 perundingan ini. Lebih 650 pegawai daripada 12 negara menyertai pusingan tersebut. Seramai 212 kumpulan berkepentingan menyertai sesi bersama kumpulan berkepentingan. Jepun telah diberi taklimat mengenai situasi rundingan. Pusingan ke-18 mengekalkan tahap pencapaian yang diperolehi dalam rundingan-rundingan yang telah diadakan sebelum ini. Bagaimanapun, keimbangan masih wujud berkenaan isu-isu seperti rundingan akses pasaran dan rundingan membabitkan teks hak harta intelek, alam sekitar dan SOE.

Masih terdapat banyak isu yang sensitif dan mencabar yang perlu dirujuk ke peringkat politik lebih tinggi untuk diselesaikan.